

05/05/1999

Ramai rakyat asing rakan baik Anwar

KUALA LUMPUR, Selasa - Selain Dr Munawar Anees, yang disebut sebagai 'penulis ucapan' Datuk Seri Anwar Ibrahim, bekas Timbalan Perdana Menteri itu juga mempunyai beberapa penasihat media terdiri daripada warga asing.

Mereka diberi jawatan secara kontrak dengan syarikat yang rapat dengan Anwar ketika itu.

Antaranya ialah warganegara Britain keturunan Pakistan, Ziauddin Sardar dan Merryl Wyn Davies, juga rakyat negara itu. Kedua-duanya, berusia 40-an, dihantar ISF Production Limited di London, untuk bertugas di TV3.

Seorang lagi yang turut disebut sebagai 'penulis ucapan' Anwar ialah N V Raman, bekas Pengarah Bahagian Perniagaan Antarabangsa di Kumpulan Lion Corporation Bhd.

Sebelum menyertai Kumpulan Lion, Raman, 44, pernah bekerja beberapa tahun di Amerika Syarikat selepas berhenti sebagai salah seorang pengarang kanan di akhbar The Star pada 1987. Sebelum itu, beliau pernah menjadi wartawan akhbar New Straits Times.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, Anwar memaksa The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) membayar gaji penulis ucapannya (Dr Munawar Anees), seorang berketurunan Pakistan yang memiliki kerakyatan Malaysia serta pemastautin tetap Amerika, walaupun NSTP enggan berbuat demikian.

Dr Munawar diambil berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Pembangunan Berita Publishing (BP), sebuah anak syarikat milik penuh NSTP pada 15 Disember 1989.

Pada masa yang sama, beliau juga menjadi Ketua Pengarang Periodica Islamica, jurnal mengenai indeks penerbitan, tulisan dan kajian mengenai Islam yang diterbitkan tiga bulan sekali.

Sepanjang di Berita Publishing, Dr Munawar diketahui memberi perkhidmatan sebagai 'penulis ucapan' dan penasihat kepada Anwar sebelum berhenti pada 13 November 1995.

Bagaimanapun, menurut sumber, beliau tiba-tiba muncul semula sebagai perunding kepada Real Mild Sdn Bhd, syarikat induk MRCB, pada pertengahan 1996.

"Ketika dituduh melakukan liwat, Munawar masih menjadi perunding di Real Mild. Namun seperti terkandung dalam perjanjian tugasnya, Munawar ketika itu menjalankan tugas berkaitan penerbitan, walaupun tidak ada urusan seumpamanya dalam syarikat itu.

"Ini menunjukkan beliau tidak boleh dipecat walaupun didapati bersalah melakukan sesuatu yang melanggar peraturan syarikat berikutan hubungan dengan pihak tertentu," kata sumber itu.

Difahamkan, ketika berkhidmat dengan Real Mild, Dr Munawar dibayar gaji RM60,000 setahun selain sebuah kereta syarikat, manakala ketika di Berita Publishing pula, beliau dibayar RM48,000 setahun dan juga sebuah kereta.

Sementara itu, Ziauddin mengikat kontrak bertugas di TV3 mulai Ogos 1989 sehingga 15 Jun 1995, manakala Davies pada Ogos 1989 sehingga 14 Jun 1998.

Kontrak mereka dikatakan dihentikan sementara pada 1990-an dan disambung semula sehingga tamat kontrak.

Pengarah Urusan TV3, Datuk Zahari Omar, berkata stesen itu membayar RM372,000 sehingga RM527,000 setahun kepada ISF Production Limited berikutan perkhidmatan dua pakar perunding itu.

Menurutnya, TV3 masih terus membayar gaji mereka mengikut syarat yang ditetapkan sehingga tamat kontrak.

"Kedua-dua pakar perunding itu mengakui sendiri kepada kakitangan di TV3 yang mereka adalah rakan rapat Anwar," katanya.
(END)